



KENYATAAN MEDIA BUKU BARU

Buku DUNIA KARTUN: LAWAK BUDAK SEKOLAH #5 - MAJLIS PERPISAHAN #tributepoyo

Peminat Komik-M pasti tidak sabar menunggu kemunculan terbaru Lawak Budak Sekolah karya kartunis Poyo. Namun kelainan pada komik ini adalah, ia bukan lagi karya dan curahan idea daripada kartunis terkenal, Poyo.

Kali ini Komik-M mempersembahkan #tributepoyo menerusi Dunia Kartun: Lawak Budak Sekolah #5 - Majlis Perpisahan yang dihasilkan khas oleh rakan-rakan Poyo. Untuk pengetahuan pembaca, Jefferi Abdul Rahman atau lebih popular dengan nama kartunis Poyo telah kembali ke rahmatullah pada 20 Januari 2017. Bak kata pepatah, *Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama*. Bagitulah terkesannya dunia komik dengan pemergian abadi kartunis Poyo.

Justeru, bagi mengenang jasa dan perjuangan beliau, pekomik tanah air seperti kartunis Wanzu, Kaher, Bophairy, Froggypapa, Ashkun, Jas, Awan Man, Muhaza, Lepat, Ayoi, Reja, dan Azhar Abdullah menggabungkan karya mereka sempena #tributepoyo. Lebih istimewa, dengan halaman 128, segala kenangan dan coretan yang dikisahkan bersama kartunis Poyo menjadi pengisian siri kali ini. Karya-karya tersebut menjadikannya komik yang unik kerana mempunyai unsur sedih terlampau di sebalik lawak-lawak dahsyat yang dihasilkan. Semua sasaran pembaca iaitu golongan kanak-kanak dan remaja dinasihatkan bersedia untuk menangis dan ketawa dalam masa yang sama.

Antara kelainan Lawak Budak Sekolah #5 - Majlis Perpisahan:

1. Ilustrasi watak yang lebih menarik.
2. Lawak yang pasti mencuit hati.
3. Komik yang *up-to-date*.
4. Mempunyai pengajaran yang berguna.
5. Tiada penggunaan bahasa rojak.
6. Penggunaan Bahasa Melayu Tinggi.

Di sebalik karya kartunis Poyo yang hebat menghasilkan lawak tahap pecah perut, buku komik ini berkongsi watak Poyo yang tidak pernah diceritakan dalam kesemua siri Lawak Budak Sekolah sebelum ini.

Pembaca tentu tidak mahu ketinggalan mendapatkan siri terbaru ini secepat mungkin. Tunggu apa lagi, dapatkan segera!

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my